

PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN WUDUK RASULULLAH S.A.W. DAN PARA SAHABAT: SATU PEMERHATIAN KEPADA GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM

Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2006). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Wuduk Rasulullah S.A.W. dan Para Sahabat: Satu Pemerhatian kepada Guru-Guru Pendidikan Islam in *Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-5* at Hotel Vistana, Pulau Pinang on 29 April 2006 . Pulau Pinang: Faculti of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia and Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pi-nang , pp 1-10.

Abstrak

Berdasarkan perbincangan wuduk dengan dalil-dalil hadis Rasulullah s.a.w. dalam bab-bab yang lalu, terdapat begitu banyak falsafah wuduk yang boleh diambil iktibar bagi umat Islam. Semua falsafah ini saling berkait yang menjadi asas dan sandaran kepada matlamat kesempurnaan wuduk. Falsafah wuduk ini sangat penting bagi umat Islam yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran wuduk agar tidak lari daripada matlamat asal pengajaran wuduk yang dikehendaki dalam Islam. Selain falsafah, terdapat juga metodologi pengajaran dan pembelajaran yang ditunjukkan dalam hadis-hadis wuduk tersebut yang secara tidak langsung digunakan dalam proses menurunkan ilmu wuduk antara Rasulullah s.a.w. dengan para sahabat dan antara sahabat Rasulullah s.a.w. dengan tabiin. Segala metodologi ini merupakan metodologi yang penting untuk diperaktikkan oleh pengamal Pendidikan Islam terutamanya untuk mencapai tahap maksimum cara mengamalkan wuduk yang sempurna. Justeru, dalam bab ini penulis akan membincangkan secara khusus falsafah wuduk dan metodologi pengajaran dan pembelajarannya. Perbincangan ini akan mengaitkan kembali penggunaan hadis-hadis dan ayat al-Quran dalam bab-bab yang lalu.

PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN WUDUK RASULULLAH DAN PARA SAHABAT: SATU PEMERHATIAN KEPADA GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM*

Kamarul Azmi Jasmi

PENGENALAN

Berdasarkan perbincangan wuduk dengan dalil-dalil hadis Rasulullah s.a.w. dalam bab-bab yang lalu, terdapat begitu banyak falsafah wuduk yang boleh diambil iktibar bagi umat Islam. Semua falsafah ini saling berkait yang menjadi asas dan sandaran kepada matlamat kesempurnaan wuduk. Falsafah wuduk ini sangat penting bagi umat Islam yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran wuduk agar tidak lari daripada matlamat asal pengajaran wuduk yang dikehendaki dalam Islam. Selain falsafah, terdapat juga metodologi pengajaran dan pembelajaran yang ditunjukkan dalam hadis-hadis wuduk tersebut yang secara tidak langsung digunakan dalam proses menurunkan ilmu wuduk antara Rasulullah s.a.w. dengan para sahabat dan antara sahabat Rasulullah s.a.w. dengan tabiin. Segala metodologi ini merupakan metodologi yang penting untuk diperlakukan oleh pengamal Pendidikan Islam terutamanya untuk mencapai tahap maksimum cara mengamalkan wuduk yang sempurna. Justeru, dalam bab ini penulis akan membincangkan secara khusus falsafah wuduk dan metodologi pengajaran dan pembelajarannya. Perbincangan ini akan mengaitkan kembali penggunaan hadis-hadis dan ayat al-Quran dalam bab-bab yang lalu.

FALSAFAH WUDUK RASULULLAH S.A.W.

Perbincangan dalam bab-bab yang lalu memperlihatkan bagaimana penyampaian wuduk yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada sahabat-sahabatnya dan begitu juga yang diamalkan oleh sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. kepada tabiin. Daripada kaedah penyampaian wuduk ini tersirat falsafah wuduk yang menekankan nilai-nilai penghayatan kehidupan yang berkualiti dan bernilai tinggi seterusnya menekankan kecemerlangan dalam peribadatan dan kehidupan seharian. Subtajuk yang berikut merupakan falsafah wuduk yang mendasari amali wuduk dalam hadis-hadis Rasulullah s.a.w. seperti yang dibincangkan dalam bab-bab yang lalu.

Kebersihan

Falsafah wuduk yang pertama melibatkan didikan kebersihan dalam kehidupan pengamal wuduk. Apabila seseorang boleh menghayati dan mengamalkan wuduk yang sebenar yang diajarkan Rasulullah s.a.w., sudah tentu dia mampu menghayati kehidupan yang bersih dan suci yang menjadi lambang kepada keimanannya yang dikehendaki Allah S.W.T. Hal ini

*Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Wacana Pendidikan Islam Siri ke-5 yang diadakan pada 5 - 6 Ogos 2006 di Hotel Vistana, Pulau Pinang anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

kerana kebersihan merupakan lambang keimanan (Muslim, 2001: 105; Ibn Majah, t.t.: 102/1; al-Darimi, t.t.: 167/1).

Oleh sebab itu, metodologi pengajaran dan pembelajaran wuduk Rasulullah seperti yang tersebut dalam hadis-hadis, sangat menerapkan falsafah kebersihan yang menyeluruhi; rohani dan jasmani. Falsafah ini terlihat dengan pensyariatan syarat, rukun dan sunat wuduk. Sebagai contoh dalam wuduk mesti memastikan dahulu perkara-perkara yang berkaitan dengan kebersihan air, perkara yang menghalang air sampai kepada anggota wuduk, kaedah basuhan yang sempurna dan rata, basuhan tapak tangan ketika memulakan wuduk, berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung, kaedah penyelatan anggota-anggota tertentu, dan basuhan yang melebihi anggota wuduk (al-Sharbini, 2004: 68/1).

Falsafah kebersihan ini bukan sahaja ditumpukan kepada bentuk fizikal tetapi juga kepada bentuk dalaman pengamalnya. Oleh sebab itu, di samping kebersihan zahiriah yang diajarkan, Rasulullah s.a.w. juga mengajarkan kebersihan batiniah dengan mengajarkan doa setiap kali selepas wuduk yang ganjarannya bukanlah kecil di sisi Allah S.W.T.

Falsafah ini diutamakan oleh Rasulullah s.a.w. agar kebersihan dapat disempurnakan kepada pengamal wuduk dalam semua aspek peribadi sama ada dalaman atau luaran. Kebiasaan ini seterusnya akan membentuk individu masyarakat Islam yang amat menekankan kebersihan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Kesempurnaan

Falsafah kesempurnaan merupakan falsafah kedua yang menjadi teras kepada pengajaran dan pembelajaran wuduk Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya sebagaimana yang ditunjukkan dalam hadis-hadis yang dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini. *Wuduk* dan *wuduk yang sempurna* dibezakan oleh Rasulullah s.a.w. melalui banyak hadis-hadisnya. Hal ini mendorong para sahabat mengamalkan wuduk yang sempurna seterusnya mereka pula menunjukkan gambaran wuduk yang sempurna kepada para tabiin yang menjadi pelajar mereka.

Banyak hadis dengan tegas memberikan keutamaan wuduk yang sempurna yang menjadi teras kepada ganjaran wuduk. Penggunaan istilah-istilah seperti *asbagha* (bersungguh-sungguh atau melebihi yang sepatutnya), *isbagh* (kesungguhan atau memperlebihkan), *absana* (sebaik-baik) dan *ihsan* (pembaikan) adalah menggambarkan penegasan supaya berwuduk dengan cara yang terbaik dan paling sempurna. Wuduk yang sempurna ini disepakati oleh ulama bermaksud melaksanakan segala rukun wuduk dengan sunat-sunatnya sekali tanpa melakukan perkara-perkara yang makruh apatah lagi perkara-perkara yang haram (al-Nawawi, 1983).

Falsafah kesempurnaan ini berjaya dicapai oleh Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya. Sebagai contoh dalam pengajaran dan pembelajaran wuduk Rasulullah s.a.w., Baginda sangat memberi penekanan kepada teknik penggunaan alatan wuduk, iaitu bekas kecil untuk berwuduk dan pengamalan sukatan air, pengamalan sunnahnya ketika berwuduk dan pengambilan wuduk dalam jangka waktu yang sesuai sebelum menunaikan solat.

Kebiasaan dalam kesempurnaan wuduk ini telah menerapkan falsafah kesempurnaan dalam setiap perkara yang dilakukan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Fokus

Fokus atau tumpuan adalah falsafah wuduk yang dikehendaki dalam wuduk Rasulullah s.a.w. Setiap kali Baginda s.a.w. mengambil wuduk, falsafah fokus ditunjukkan kepada sahabat-sahabat. Hal ini juga diikuti baik oleh sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w., juga ketika mereka mengajarkan wuduk kepada para tabiin. Fokus dalam wuduk bermaksud, Rasulullah s.a.w. ketika berwuduk akan menumpukan sepenuh perhatiannya kepada wuduknya sehingga selesai. Baginda s.a.w. tidak pernah menyelitkan wuduknya dengan perkataan atau perbuatan yang tidak berkaitan dengan wuduknya. Begitu juga apabila Baginda s.a.w. menunjuk ajar kepada sahabat-sahabatnya cara berwuduk, segala kesilapan biasanya akan diperbaiki apabila mereka selesai berwuduk.

Wuduk yang betul perlu didemonstrasikan semula selepas teguran dengan penekanan kepada fokus ketika mengambil wuduk. Sebab itu, adalah menjadi satu perkara yang makruh jika seseorang sedang berwuduk, dia bercakap-cakap ketika berwuduk (al-Nawawi, 1980).

Penghayatan nilai fokus yang terdapat dalam falsafah fokus ini memberikan kesan kepada amalan-amalan yang dilakukan mereka selepas berwuduk seperti solat, tilawah al-Quran dan sebagainya. Kerana sikap fokus ini dapat mencorakkan minda dan pemikiran yang fokus mereka kepada amalan kehidupan sehari-hari terutamanya amalan ibadat.

Sikap berhati-hati

Sikap berhati-hati dalam amalan wuduk jelas tercermin dalam wuduk Rasulullah s.a.w. Sikap berhati-hati ini kemudiannya pula tertumpah kepada para sahabat Rasulullah s.a.w. yang menjadi pelajar kepada Baginda s.a.w.

Sebagai contoh Rasulullah s.a.w. mengajar para pelajarnya dengan teknik basuhan dan gosokkan kepada anggota yang wajib dibasuh agar air boleh sampai ke setiap sudut anggota yang wajib dibasuh (Muslim, 2001: 110). Baginda s.a.w. juga mengajar bagaimana cincin diputar-putarkan ketika berwuduk agar air boleh sampai ke bahagian bawah cincin (Ibn Majah, t.t.: Kitab al-Taharah wa Sunaniha). Begitu juga ketika membasuh tangan, Baginda s.a.w. mengajar keadaan menyelat jari tangan dan kaki yang sempurna (al-Tirmidhi, 1994: 110/1; al-Nasa'i; 1930: 79/1; Abu Dawud, 1994: 45/1; Ibn Majah, t.t.: 152/1). Penekanan sikap berhati-hati dalam berwuduk ini juga digambarkan dengan kemarahan Baginda s.a.w. terhadap orang yang mengambil wuduk dengan cara yang berlebih kurang sehinggakan ada antara pelajarnya terpaksa mengambil wuduk semula beberapa kali (Muslim, 2001: 109).

Para sahabat Rasulullah s.a.w. menjadikan falsafah berhati-hati dalam pengajaran dan pembelajaran wuduk Rasulullah s.a.w. Hal ini sebagai satu pedoman untuk mendidik para murid mereka pula dengan falsafah tersebut ketika berwuduk. Sikap berhati-hati ketika berwuduk ini banyak mencerminkan peribadi keseluruhan para sahabat dan tabiin dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Berjimat cermat

Antara falsafah yang paling ditekankan dalam pengajaran wuduk Rasulullah s.a.w. ialah falsafah jimat cermat. Satu mud (563ml) air wuduk merupakan kadar air yang dianjurkan Rasulullah s.a.w. sendiri (al-Bukhari, 1994: 66/1; al-Tirmidhi, 1994: 34/1; Ibn Majah, t.t.: 99/1). Sebab itu Baginda s.a.w. begitu marah sikap membazir yang dilakukan oleh seorang sahabat yang mengambil wuduk dengan cara yang mewah (Ibn Majah, t.t: 147/1). Berdasarkan falsafah ini, ulama-ulama Islam khususnya dalam mazhab al-Shafii

menghukumkan makruh menggunakan air secara mewah di rumah untuk berwuduk, bahkan mereka mengharamkan penggunaan air wuduk yang diwakafkan melebihi daripada ukuran satu mud tadi (al-Nawawi, 1980).

METODOLOGI WUDUK RASULULLAH S.A.W.

Terdapat banyak metodologi yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika mengajarkan para sahabatnya berwuduk. Metodologi ini kemudiannya digunakan pula oleh sahabat-sahabat untuk mengajar para tabiin. Subtajuk yang berikut ini akan membincangkan metodologi yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika mengajar sahabatnya berwudu.

Demonstrasi Hayati Amali

Kaedah demonstrasi hayati amali adalah kaedah yang paling banyak digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Demonstrasi hayati amali ini bermaksud bahawa Rasulullah s.a.w. apabila masuk waktu solat beliau akan mengambil wuduk untuk solat seperti biasa. Pada kesempatan inilah Rasulullah s.a.w. akan menunjukkan bagaimana Baginda s.a.w. mengambil wuduk sambil diperhatikan oleh para sahabat. Kadang-kadang selepas selesai Rasulullah s.a.w. menunjukkan cara mengambil wuduk, Baginda s.a.w. akan menambah pengajaran dan pembelajaran wuduknya dengan motivasi supaya apa yang ditunjukkan akan diikuti secara betul-betul oleh para pelajarnya untuk mendapat ganjaran yang dijanjikan. Metodologi ini banyak diikuti pula oleh sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang mengajar kepada tabiin sebagaimana terdapat dalam sebuah hadis (Muslim, 2001: 105),

أَنَّ عُثْمَانَ بْنَ عَفَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ دَعَا بِوَضُوءٍ فَتَوَضَّأَ فَغَسَلَ كَفَيهِ ثَلَاثَ مَرَاتٍ ثُمَّ مَضْمِضَ وَاسْتَنْثَرَ ثُمَّ
غَسَلَ وَجْهَهُ ثَلَاثَ مَرَاتٍ ثُمَّ غَسَلَ يَدَهُ الْيُمْنَى إِلَى الْمَرْفَقِ ثَلَاثَ مَرَاتٍ ثُمَّ غَسَلَ يَدَهُ الْيُسْرَى مُثْلِّ
ذَلِكَ ثُمَّ مَسَحَ رَأْسَهُ ثُمَّ غَسَلَ رَجْلَهُ الْيُمْنَى إِلَى الْكَعْبَيْنِ ثَلَاثَ مَرَاتٍ ثُمَّ غَسَلَ الْيُسْرَى مُثْلِّ ذَلِكَ ثُمَّ
قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ عَلَيْهِ الْكَوْنُونُ تَوَضَّأَ نَحْوَ وُضُوئِي هَذَا ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ عَلَيْهِ الْكَوْنُونُ مَنْ تَوَضَّأَ نَحْوَ وُضُوئِي
هَذَا ثُمَّ قَامَ فَرَكَعَ رَكْعَتَيْنِ لَا يُحِدِّثُ فِيهِمَا نَفْسَهُ غُفرَلَهُ مَا تَقدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

Terjemahan, "Uthman bin Affan r.a. meminta air wuduk, kemudian dia berwuduk dengan membasuh kedua tapak tangannya tiga kali, kemudian beliau berkumur-kumur dan meluahkaninya. Kemudian beliau membasuh mukanya tiga kali, kemudian membasuh tangan kanannya hingga ke siku tiga kali. Selepas itu beliau membasuh tangan kirinya seperti itu juga. Diikuti pula beliau menyapu kepalanya kemudian beliau membasuh kaki kanannya hingga ke kedua buku lali, kemudian beliau membasuh kaki kirinya seperti itu juga, kemudian beliau berkata, "Saya melihat Rasulullah s.a.w. berwuduk seperti wudukku ini. Baginda s.a.w. bersabda, "Sesiapa yang berwuduk seperti wudukku ini kemudian dia bersembahyang dua rakaat dan tidak berbual antara keduanya, nescaya dosanya yang terdahulu diampunkan."

(Muslim)

Metodologi ini memberi maksud bahawa sebaik-baik pengajaran dan pembelajaran wuduk ialah dengan menjadikan penghayatan amalan harian sebagai peluang pengajaran dan pembelajaran.

Simulasi

Selain demonstrasi hayati amali, simulasi juga merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran wuduk yang utama dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Para sahabat akan melakukan semula apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. untuk memberikan gambaran bentuk dan sifat wuduknya. Contoh simulasi ini sebagaimana yang diceritakan dalam sebuah *athar* (al-Bukhari, 1994: 65),

أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِعَبْدِ اللَّهِ بْنِ زَيْدِ بْنِ عَوْنَانَ وَهُوَ جُدُّ عُمَرِ بْنِ يَحْيَى كَعْنَانَ أَسْتَطَعْ أَنْ تُرِينِي كَيْفَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَتَوَضَّأُ فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ زَيْدٍ نَعَمْ فَدَعَا بِمَا فَأْفَرَغَ عَلَى يَدِيهِ ...

Terjemahan, “Seorang lelaki bertanya kepada Abdullah bin Zaid r.a., “Bolehkan kamu tunjukkan bagaimana Rasulullah s.a.w. berwuduk?” Abdullah bin Zaid r.a. menjawab, “Baiklah!” Kemudian beliau meminta air lalu menuangkan ke dalam dua tapak tangannya.....

(Al-Bukhari)

Melalui metode simulasi ini, para tabiin seolah-olah dapat melihat sendiri rupa dan sifat wuduk Rasulullah s.a.w. seperti yang digambarkan oleh guru mereka iaitu para sahabat r.a.

Motivasi atau Targhib

Sememangnya wuduk merupakan amalan yang menjadi syarat kepada solat (Muslim, 2001: 105; al-Tirmidhi, 1994: 83/1). Para sahabat r.a. akan berwuduk apabila mahu melakukan solat. Tanpa motivasi pun mereka berwuduk. Namun untuk mensebatikan para sahabat r.a. dengan amalan sentiasa berada dalam wuduk dan mencapai wuduk yang sempurna, teknik motivasi atau targhib digunakan oleh Rasulullah s.a.w. Teknik ini kemudiannya digunakan pula oleh sahabat-sahabat Baginda s.a.w. ketika mengajar para tabiin. Motivasi Rasulullah s.a.w. dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran wuduk terhadap para pelajarnya ialah dalam hal,

Menjadikan Wuduk Sebagai Amalan

Galakan mengamalkan wuduk dalam setiap masa kerana mampu membersihkan diri daripada dosa-dosa kecil yang menjadi penghalang kepada cahaya hidayat kepada diri. Rasulullah s.a.w. bersabda (Muslim, 2001: 111; al-Tirmidhi, 1994: 84/1; al-Darimi, t.t.: 183/1; Malik, t.t.: 68/1),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ كَعْنَانَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ الْمُسْلِمُ أَوْ الْمُؤْمِنُ فَغَسَلَ وَجْهَهُ خَرَجَ مِنْ وَجْهِهِ كُلُّ خَطِيئَةٍ نَظَرَ إِلَيْهَا بَعِينِيَّةً مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ فَإِذَا غَسَلَ يَدِيهِ خَرَجَ

مِنْ يَدِهِ كُلُّ حَطِيَّةٍ كَانَ بَطَشَتْهَا يَدًا مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخرَ قَطْرِ الْمَاءِ فَإِذَا غَسَلَ رَجُلَيْهِ خَرَجَتْ كُلُّ حَطِيَّةٍ مَشْتَهَا رِجْلَاهُ مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخرَ قَطْرِ الْمَاءِ حَتَّى يَخْرُجَ نَقِيًّا مِنَ الذُّنُوبِ.

Terjemahan, “Abu Hurairah r.a. melaporkan, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Apabila seorang hamba yang muslim atau mukmin berwuduk, ketika dia membasuh mukanya, gugurlah semua dosa daripada mukanya yang dia melihat dengan matanya bersama-sama air wuduknya (yang gugur) atau bersama-sama dengan titisan terakhir air wuduknya. Apabila dia membasuh kedua tangannya keluarlah semua dosa daripada tangannya yang dia memegang bersama-sama air wuduknya (yang gugur) atau bersama-sama titisan terakhir air wuduknya. Apabila dia membasuh kedua kakinya, keluarlah semua dosa daripada kaki yang dia berjalan bersama-sama air wuduknya (yang menitis) atau bersama-sama dengan titisan terakhir air wuduknya.”

(Muslim)

Orang yang kekal bersih dan suci juga menurut motivasi Rasulullah s.a.w. sebagai orang yang tinggi keimanannya. Hal ini bermaksud orang yang sentiasa suci dalam wuduk sentiasa mudah menerima pertunjuk dan hidayat Allah S.W.T. Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kebersihan merupakan lambang bagi keimanan seseorang.” (Muslim, 2001: 105; Ibn Majah, t.t.: 102/1; al-Darimi, t.t.: 167/1). Hal ini dipertegaskan lagi dengan hadis yang berbunyi, “...dan tidaklah orang yang menjaga wuduknya melainkan seorang mukmin.” (Ibn Majah, t.t. 102/1)

Mengambil Wuduk dengan Cara yang Paling Sempurna

Rasulullah s.a.w. menggunakan metodologi motivasi untuk menggalakkan para pelajarnya mengamalkan cara berwuduk yang paling sempurna. Sebagai contoh Baginda s.a.w. memberikan galakan ini kepada para pelajarnya (Muslim, 2001: 235),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ... قَالَ رَسُولُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ... إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسِنْ الْوُضُوءَ ثُمَّ أَتَى الْمَسْجِدَ لَا يَنْهَزِدْ إِلَّا الصَّلَاةُ

Terjemahan, “Abu Hurairah r.a. melaporkan, “Rasulullah s.a.w. bersabda, ”....sesungguhnya jika seseorang berwudu’ dengan sebaik-baik wuduk kemudian dia datang ke masjid semata-mata untuk melakukan sembahyang dan semata-mata bertujuan melaksanakan sembahyang...”

(Muslim)

Dalam hadis ini wuduk yang sempurna memberikan ganjaran yang besar kepada orang yang bersolat di Masjid.

Mengamalkan Amalan Sunnah dalam Wuduk

Amalan sunnah Rasulullah s.a.w. merupakan amalan pilihan ketika berwuduk. Namun pengamalan sunnah-sunnah wuduk Rasulullah s.a.w. merupakan syarat kepada wuduk yang sempurna. Terdapat lebih kurang 16 amalan yang dianjurkan Rasulullah s.a.w. dalam wuduk seperti yang ditunjukkan sendiri oleh Baginda s.a.w. melalui hadis-hadisnya. Sebagai contoh untuk menggalakkan para pelajar Rasulullah s.a.w. berdoa selepas wuduk, Rasulullah s.a.w. bersabda, (al-Tirmidhi, 1994: 121/1; Ibn Majah, t.t.: 159/1)

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الوضوءَ ثُمَّ قَالَ أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُ أَجْعَلَنِي مِنَ التَّوَابِينَ وَاجْعَلَنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ فَتُنْتَهَىٰ لَهُ ثَمَانِيَّةُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ يَدْخُلُ مِنْ أَهَٰءَا.

Terjemahan, " Umar ibn Khattab r.a. melaporkan, "Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesiapa berwuduk dengan sebaik-baik wuduk kemudian membaca doa ini,
أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ
dibukakan untuknya kelapan-lapan pintu syurga yang membolehkannya masuk daripada mana-mana pintu itu."

(Al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

Begitu juga apabila Baginda s.a.w. ingin menggalakkan para pelajarnya melebihkan basuhan anggota wuduk, Rasulullah memberikan mereka motivasi dengan sabda (Ibn Majah, t.t.: 104/1),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرِدُونَ عَلَيَّ غَرَّا مُحَجَّلِينَ مِنَ الوضوءِ سِيمَاءُ أَمْتِي لَيْسَ لَأَحَدٍ غَيْرَهَا.

Terjemahan, "Abu Hurairah r.a. melaporkan Rasulullah s.a.w. bersabda, "Kamu akan datang kepadaku dalam keadaan bersinar putih pada muka, tangan dan kaki kerana wuduk sebagai tanda untuk umatku yang tidak terdapat pada seorang pun daripada umat yang lain."

(Ibn Majah)

Kebanyakkan amalan sunnah dalam wuduk ada hadis yang digunakan Rasulullah s.a.w. untuk memberikan motivasi kepada para pelajarnya.

Mengamalkan Wuduk dalam Situasi Khusus

Selain Rasulullah s.a.w. menggunakan metodologi motivasi dalam galakan mengamalkan sunnah-sunnahnya ketika berwuduk, Baginda s.a.w. juga menggunakan teknik ini untuk memberikan motivasi pengamalan wuduk dalam situasi-situasi khusus iaitu: Ketika hendak

tidur (al-Bukhari, 1994: 234; Muslim, 2001: 1014); ketika bermimpi buruk di malam hari (Muslim, 2001: 109; al-Nasa'i, 1930: 67/1); ketika bangun daripada tidur (al-Nasa'i, 1930: 203/3); dan ketika hendak menziarahi saudara seislam (Abu Dawud, 1994: 65/2) dan lain-lain.

Ancaman atau Tarhib

Selain galakan, kadang-kadang Rasulullah s.a.w. menggunakan metodologi ancaman terhadap para pelajar yang melanggar amalan-amalan yang haram dan makruh atau meninggalkan amalan sunat dalam wuduk sehingga mengurangkan mutu wuduk mereka dari mencapai wuduk yang sempurna.

Ini dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam mengajar para pelajarnya tentang perkara-perkara yang haram dan makruh. Contoh dalam perkara haram sebagaimana kecaman Rasulullah s.a.w. terhadap Saad yang berbunyi, "Mengapa membazir." Lantas Saad bertanya kembali, "Adakah ketika berwuduk ada pembaziran?" Rasulullah s.a.w. menjawab, "Benar sekalipun kamu berada di sungai yang mengalir." (Ibn Majah, t.t: 147/1).

Dalam hal menggalakkan menyelat jari tangan dan kaki ketika wuduk, Rasulullah s.a.w. ada bersabda dalam bentuk kecaman kepada para pelajarnya yang enggan menyempurnakannya (al-Musuli, 1998: 13/1; al-Daruqutni, 1966), "Selatlah jari-jarimu sebelum diselat-selat dalam neraka Jahanam." (al-Daruqutni).

Pengulangan

Untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran wuduk difahami dan diingati dengan lebih mendalam dan berkesan, metodologi ulangan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. juga digunakan. Metodologi ini dilaksanakan dengan melihat sendiri para pelajar Baginda s.a.w. mengambil wuduk. Kemudian selepas selesai, Rasulullah s.a.w. menerangkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh para pelajarnya ketika berwuduk. Sekali lagi Baginda s.a.w. menyuruh murid-murid mengambil wuduk dengan memerhatikan pembetulan-pembetulan yang ditegurnya. Metodologi ini ditunjukkan sebagaimana teguran Baginda s.a.w. kepada seorang pemuda (Muslim, 2001: 110),

عَنْ عُمَرِ بْنِ الْخَطَّابِ رَوَىٰ أَنَّ رَجُلًا تَوَضَّأَ فَتَرَكَ مَوْضِعَ طُفُرٍ عَلَىٰ قَدَمِهِ فَأَبْصَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ
ارْجِعْ فَأَحْسِنْ وَضْوِئكْ فَرَجَعَ ثُمَّ صَلَّى.

Terjemahan, "Umar bin al-Khattab r.a. melaporkan, "Seorang lelaki berwuduk. Lalu dia meninggalkan kawasan kuku kakinya. Nabi s.a.w. nampak dan berkata, "Kembalilah dan perbaikilah wudukmu kemudian pergi solat."

(Muslim)

Hadis ini menunjukkan bagaimana Nabi menyuruh mengambil wuduk semula sebagai pengulangan agar pemuda tersebut mengingati bahagian yang menjadi teguran kepadanya.

Perbandingan

Dalam pengajaran dan pembelajaran wuduk, Rasulullah s.a.w. juga menyelitkan penggunaan teknik perbandingan bagi memperkuatkan sesuatu fakta. Sebagai contoh Rasulullah s.a.w. dalam menegah seorang sahabat daripada mengibas-ngibas air wuduk yang melekat pada tangannya, beliau membandingkan dengan kelakuan syaitan (al-Zuhaili, 1989: 255).

Kaedah perbandingan ini memberikan kejelasan kepada para sahabat agar tidak melakukan perkara tersebut.

Bercerita

Mengajar wuduk dengan menggabungkan teknik bercerita adalah satu teknik yang terbaik yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. Apatah lagi jika teknik ini digabungkan pula dengan teknik motivasi, perbandingan dan lain-lain teknik. Sebagai contoh Rasulullah s.a.w. menggunakan teknik bercerita, motivasi dan perbandingan dalam memberikan pengajaran tentang betapa pentingnya membasuh anggota wuduk dengan dilebihkan basuhan pada bahagian muka, tangan dan kaki. Rasulullah s.a.w. bersabda (Muslim, 2001: 111),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ إِنَّ حَوْضِي أَبْعَدُ مِنْ أَيْلَهَ مِنْ عَدَنَ لَهُ أَشَدُ بِيَاضًا
مِنَ الظَّلْجَ وَأَحَلَى مِنَ الْعَسْلِ بِاللَّبَنِ وَلَانِي أَكْثُرُ مِنْ عَدَدِ النُّجُومِ وَإِنِّي لَأَصْدِ النَّاسَ عَنِهِ كَمَا يَصُدُّ
الرَّجُلُ إِبْلَ النَّاسِ عَنْ حَوْضِهِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتَعْرَفُنَا يَوْمَئِذٍ قَالَ نَعَمْ لَكُمْ سِيمَا لَيْسَ لَأَحَدٌ
مِنَ الْأُمَمِ تَرِدُونَ عَلَيَّ غَرَّا مَحْجِلِينَ مِنْ أَثْرِ الْوُضُوءِ.

Terjemahan, “Abu Hurairah r.a. melaporkan Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya telagaku lebih luas daripada kolam di dalam syurga Adn, lebih putih daripada salji dan lebih manis daripada madu dan susu. Bekas-bekas minumannya pula lebih banyak daripada bintang-bintang di langit. Sesungguhnya saya akan menegah orang ramai daripada (Meminumnya) sebagaimana seorang lelaki menolak orang lain daripada mengambil air daripada telaganya.” Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. bertanya, “Wahai Rasulullah s.a.w. adakah kamu kenal kami pada masa itu.” Sabdanya, “Benar! Terdapat pada kamu tanda yang tidak ada pada seorangpun daripada umat terdahulu. Kamu datang kepadaku dalam keadaan bersinar putih pada muka, tangan dan kaki kesan daripada wuduk.”

(Muslim)

Penceritaan Rasulullah s.a.w. terhadap telaganya di akhirat menarik para sahabat untuk bertanya tentangnya. Semasa Rasulullah s.a.w. bercerita ini, Rasulullah s.a.w. menggunakan teknik perbandingan antara telaganya dengan telaga syurga Adn; air telaganya lebih putih daripada salji dan rasanya lebih manis daripada madu dan susu; dan jumlah cawannya lebih banyak daripada bintang-bintang. Di akhir sabdaannya Baginda s.a.w. menarik perhatian sahabat agar melebihkan basuhan pada muka, tangan dan kaki supaya Baginda s.a.w. boleh mengenali mereka di hari kiamat nanti untuk diberikan minuman daripada telaganya.

KESIMPULAN

Pelbagai falsafah, metodologi dan teknik dapat diambil daripada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. ketika menyampaikan ilmu wuduk. Di sebalik amalan wuduk Rasulullah s.a.w. terkandung falsafah yang amat tinggi nilainya. Falsafah ini mampu mencorakkan keperibadian yang sempurna dan cemerlang dalam kehidupan umat Islam. Metodologi wuduk Rasulullah s.a.w. pula menggambarkan kaedah penyampaian wuduk yang pelbagai untuk memberikan didikan wuduk yang paling sempurna. Melalui kesempurnaan wuduk inilah akan terhasilnya keperibadian yang tinggi, keampunan dan kebersihan diri yang menyeluruh serta ganjaran yang besar di sisi Allah S.W.T.

RUJUKAN

- Al-Sharbini, Al-Sheikh Muhammad al-Khatib (t.t.). *Al-Iqna^c Fi Hilli Alfaz Abi Suja^c*. Pulau Pinang: Maktabah Wa-Matbacah Dar al-Macarif.
- Al-Bujairimi, Sulaiman bin Muhammad Umar al-Bujairimi al-Shafii (t.t.). *Al-Bujairimi cala al-Khatib*. Mesir: al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Bukhari, Al-Imam Abu Abdullah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim ibn al-Mughirah bin Bardzbah al-Ja'fari (1994). *Sahih al-Bukhari*. Dar al-Fikr: Beirut.
- Muslim, Al-Imam Abu al-Husain b. al-Hajjaj ibn Muslim al-Qushairi al-Nisaburi (2001). *Al-Jami^c al-Sohih*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Isma'il Muhammad b. 'Isa (1994). *Sunan al-Tirmidhi Wa-hua al-Jami^c al-Mukhtasar Min al-Sunani 'an Rasulullah s.a.w. Wa-Makrifat al-Sahih wa-al-Ma'lul wa-Maklul wa Ma 'alaiah al-Amal*. Dar al-Fikr: Beirut.
- Abu Daud Sulaiman b. al-Ash'ath al-Sajastani (1994). *Sunan Abu Daud*. Dar al-Fikr: Beirut.
- Al-Imam Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj Ibn Muslim al-Qushairi al-Nisaburi (t.t.). Al-San'ani (1405H). *Subul al-Salam Sharh Bulug al-Muram Min Adillat al-Ahkam Lil-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani*. Percetakan Jam'iyyah al-Imam Muhammad Ibn Sa'ud al-Islamiyyah: Al-Sa'udiyyah al-'Arabiyyah, ¼: 88.
- Al-Darimi, Al-Imam Abu Muhammad 'Abdullah b. Bahram al-Darimi (t.t.). *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi (1983). *Riyad al-Salihin Min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asir.
- Wahbah Zuhaili, Dr (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i Al-Hafiz Abu Abd al-Rahman Ahmad B. Shuaib b. Ali b. Bahr b. Sinan b. Dinar al-Nasa'i (t.t.). *Sunan al-Nasa'i bi-Sharb al-Hafiz Ijlal al-Din al-Suyuti Wa-Hashiah al-Imam al-Sundi*.
- Ibnu Majah, Al-Hafiz 'Abu 'Abdullah Muhammad b. Yazid al-Qazwaini (t.t.) *Sunan Ibnu Majah*. Beirut: Dar al-Fikr. ½: Kitab al-Taharah wa Sunaniha.
- Al-Ghazali (1988). *Ihya' Ulum al-Din* (Terjemahan Oleh Ismail Ya'kub). Kuala Lumpur: Victory Egensi.
- Al-Imam Malik b. Anas (t.t.). *Sharh al-Zarqani cAla Muwatta' al-Imam Malik Wa-huwa Sharh al-Imam al-Sayyidi Muhammad al-Zarqani 'Ala Sahih al-Muwatta'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Banjari, Kiyai al-Imam al-Allamah al-Shaikh Muhammad Arshad b. Abdullah (t.t.). *Sabil al-Muhtadin li Taffaqquh fi Amr al-Din*. Singapura: Pustaka Nasional.